



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
DANA PEMBUDAYAAN
PENYELIDIKAN
(RAGS)**

(PINDAAN TAHUN 2015)

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA.
No. Tel: 03-8870 6959 / 6974
No. Faks: 03-8870 6867**

SENARAI KANDUNGAN

Tujuan	4
Mekanisma Pengurusan Dana	4
Penilaian	
Agihan Peruntukan	
Pemantauan Projek	
Kluster Penyelidikan	6
Syarat Permohonan	6
Tempoh Penyelidikan	6
Siling Peruntukan	7
Hasil Penyelidikan	7
Peraturan Permohonan	7
Kriteria Penilaian	7
Peraturan Kewangan	8

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing untuk transformasi ilmu dan kecemerlangan negara

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan kapasiti penyelidikan berimpak tinggi bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap perkembangan modal insan, peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan peradaban yang dinamik.

1.0 TUJUAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN (RAGS)

Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) ialah dana tunas yang bertujuan untuk membudayakan penyelidikan di kalangan penyelidik muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bukan Universiti Penyelidikan (RU) sebagai persediaan untuk membangunkan prestasi penyelidikan supaya dapat berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dana RAGS ini akan mengikuti **garis panduan FRGS** terkini dari segi definisi penyelidikan fundamental, kluster penyelidikan, kaedah permohonan, kriteria penilaian, pemantauan dan hasil penyelidikan.

2.0 MEKANISMA PENGURUSAN DANA RAGS

2.1 PENILAIAN

Penilaian dilakukan di peringkat Universiti melalui teknikal dan jawatankuasa penyelidikan atau setara.

Jawatankuasa teknikal hendaklah mempunyai keahlian sekurang-kurangnya satu (1) orang panel RAGS.

2.2 AGIHAN PERUNTUKAN

Dana RAGS akan diagihkan terus kepada Universiti.

Untuk kitaran pertama, agihan adalah berdasarkan kepada prestasi permohonan geran FRGS untuk tahun 2011 dan 2012. Prestasi ini menunjukkan keupayaan dan kesungguhan Universiti untuk menjalankan penyelidikan.

Untuk kitaran berikutnya, peratus agihan berdasarkan kepada prestasi termasuk produktiviti penyelidikan dan keupayaan perbelanjaan kitaran sebelumnya.

2.3 PEMANTAUAN PROJEK

- i. Pemantauan kemajuan penyelidikan di peringkat Universiti.
- ii. Pemantauan di peringkat Kementerian melalui Panel RAGS mengikut garis panduan pemantauan FRGS.

- iii. Laporan kemajuan perlu dihantar kepada Kementerian merangkumi borang-borang berikut:-
- (i) **Borang RAGS - P1(R)**
 - Laporan Prestasi projek penyelidikan RAGS;
 - untuk diisi oleh setiap penyelidik di IPT; dan
 - perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing.
 - (ii) **Borang RAGS - P2(RMC)**
 - Laporan Keseluruhan projek penyelidikan RAGS mengikut Fasa bagi setiap IPT; dan
 - diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing sebanyak satu (1) salinan.
 - (iii) **Borang RAGS - K1(RMC)**
 - Laporan Perbelanjaan Kewangan bagi Geran RAGS mengikut Fasa bagi setiap IPT; dan
 - diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing.
 - (iv) **Laporan Pencapaian**
 - Laporan Keseluruhan Pencapaian Projek-Projek Penyelidikan RAGS mengikut Fasa bagi setiap IPT; dan
 - diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
 - dihantar kepada urus setia RAGS bersama P1(R), P2(RMC) dan K1(RMC).
- iv. Laporan akhir perlu dihantar kepada urus setia dalam masa tiga (3) bulan selepas tamat projek tersebut seperti format geran FRGS.
- v. Penalti
- a. Setiap IPT perlu memastikan semua projek perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan milestone
 - b. Prestasi Projek perlu mencapai modal insan dan penerbitan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan
 - c. Pihak RMC perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi Ketua Projek tempoh 3 bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan.
 - d. Ketua Projek yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenaraihitam bagi tempoh 2 tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu

3.0 KLUSTER PENYELIDIKAN

Bidang penyelidikan meliputi bidang-bidang asas seperti berikut:-

- A. Sains Tulen
- B. Sains Gunaan
- C. Sains Kesihatan dan Klinikal
- D. Teknologi dan Kejuruteraan
- E. Sains Sosial
- F. Sastera dan Sastera Ikhtisas
- G. Warisan Alam dan Budaya
- H. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

4.0 SYARAT PERMOHONAN

Dana ini terbuka kepada kakitangan akademik (pensyarah) di **Institusi Pengajian Tinggi Awam bukan Universiti Penyelidikan (RU)** dengan syarat-syarat berikut:-

- 4.1 Mempunyai pengalaman sebagai ahli akademik tidak melebihi lima (5) tahun DAN gred 52 dan ke bawah.
- 4.2 Mestilah Warganegara Malaysia.
- 4.3 Pensyarah tetap di IPTA.
- 4.4 Hanya satu (1) projek penyelidikan dibenarkan untuk dipohon dan diperaku.
- 4.5 Pensyarah sedang cuti belajar tidak dibenarkan untuk memohon dan menjalankan penyelidikan.
- 4.6 Tidak pernah memegang mana-mana geran nasional atau antarabangsa.

5.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah satu (1) hingga dua (2) tahun sahaja.

6.0 SILING PERUNTUKAN

Siling peruntukan bagi menjalankan projek penyelidikan di bawah dana ini adalah tidak melebihi RM50,000.00 untuk Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan dan RM80,000.00 untuk Bidang Sains dan Teknologi.

7.0 HASIL PENYELIDIKAN

7.1 Modal Insan

Sekurang-kurangnya seorang pembantu penyelidik atau pelajar pasca siswazah.

7.2 Penerbitan

Sekurang-kurangnya menghasilkan satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks. Penghargaan kepada geran RAGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

8.0 PERATURAN PERMOHONAN

8.1 Permohonan dana RAGS perlu menggunakan Borang RAGS yang terkini yang disediakan oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

8.2 Permohonan untuk dana RAGS dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati kluster penyelidikan dan syarat permohonan.

9.0 KRITERIA PENILAIAN

9.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan

9.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau

9.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau

9.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

10.0 PERATURAN KEWANGAN

10.1 Vot 11000 - Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik (RA) / Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

10.1.1 Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik (RA) atau Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

10.2 Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan

10.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

10.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

10.2.2.1 Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ahli kumpulan penyelidikan sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikut persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.

- i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/ seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
- iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

10.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek.

10.3 Vot 24000 - Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

10.4 Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

10.5 Vot 28000 - Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

10.6 Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas

- a) Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

- b) Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 5% dari peruntukan Geran.

10.7 Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan.

Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



URUS SETIA RAGS
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA.
NO. TEL: 03-8870 6959 / 6974
NO. FAKS: 03-8870 6867